

## **GARIS PANDUAN PANTANG LARANG KEPADA ORANG BUKAN ISLAM TERHADAP HUBUNGAN DENGAN MASYARAKAT ISLAM**

**Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-16  
18-19 Februari 1986**

### **TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada masyarakat mengenai perkara-perkara yang menjadi larangan kepada orang-orang bukan Islam untuk melibatkan diri.

### **LATAR BELAKANG**

1. Negara Malaysia didiami oleh berbagai bangsa dan agama. Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 11 (1) berbunyi: Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada fasal (4) mengembangkan agamanya. Dalam Perlembagaan Persekutuan ini jelas memberi kebebasan beragama kepada setiap penduduk atau bangsa yang mendiami negara ini untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing.
2. Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 3 (1) ada menyebutkan: Agama Islam ialah agama bagi persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan. Tertakluk dengan peruntukan ini, kerajaan boleh membuat peruntukan untuk perkembangan dan kemajuan agama Islam di negara ini dan menyekat suatu gerakan yang hendak mencemarkan kesucian agama dan maruah umatnya.
3. Pada hari ini di Malaysia, orang yang bukan Islam banyak melibatkan diri dalam perkara-perkara dan urusan-urusan keagamaan yang sepatutnya mereka itu tidak boleh mencampurinya. Misalnya, dalam urusan politik, orang yang bukan Islam ada yang merasmikan masjid, sekolah agama, musabaqah tilawah Al-Quran dan sebagainya.

4. Dalam urusan-urusan perniagaan, orang yang bukan Islam telah melibatkan diri mencetak, menulis, menerbit dan menjual ayat Al-Quran yang sepatutnya mereka itu tidak boleh melibatkan diri dalam perniagaan mencetak dan menjual ayat Al-Quran kerana Al-Quran adalah kalamullah yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW yang wajib dijaga dan dipelihara kesuciannya. Firman Allah yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”.*

## **GARIS PANDUAN**

1. Orang yang bukan Islam hendaklah ditegah dan tidak dibenarkan melibatkan diri dalam perkara-perkara dan urusan-urusan keagamaan seperti merasmikan pembukaan rumah-rumah ibadat dan sebagainya yang ada kaitan dengan agama Islam.
2. Orang yang bukan Islam hendaklah ditegah dan tidak dibenarkan menyebarkan risalah-risalah yang mengandungi ajaran Kristian kepada orang Islam sama ada melalui sekolah, pertubuhan, syarikat dan lain-lain.
3. Orang yang bukan Islam hendaklah ditegah dan tidak dibenarkan mencetak, menulis, memahat ayat-ayat Al-Quran pada batu-batu, papan-papan, cermin, pinggan, mangkuk, batu-batu nisan, jam, dinding, kain dan sebagainya untuk dibuat perhiasan.
4. Orang yang bukan Islam hendaklah ditegah dan tidak dibenarkan menerbit dan menjual Al-Quran dan kitab-kitab agama seperti hadith, fiqah, tauhid, tafsir, sejarah dan lain-lainnya yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran, nama-nama Nabi, nama-nama sahabat dan nama-nama malaikat.
5. Orang bukan Islam hendaklah ditegah dan tidak dibenarkan menggunakan perkataan-perkataan yang berunsur Islam seperti *Assalamualaikum, Bismillahirrahmanirrahim, firman Allah, doa, Allah, Al Kitab, wahyu* dan lain-lain.

6. Orang yang bukan Islam hendaklah ditegah dan tidak dibenarkan menyebarkan agamanya dalam kalangan umat Islam kerana dalam perlembagaan ada menyebut bahawa agama Islam adalah agama rasmi persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan dalam keadaan harmoni.
7. Orang yang bukan Islam hendaklah ditegah dan tidak dibenarkan menggunakan nama-nama orang Islam seperti *Rahman*, *Rahim*, *Fatimah* dan sebagainya.

## **PENUTUP**

Untuk menjaga kesucian agama Islam dan keharmonian hidup bermasyarakat berbilang agama dan kaum di negara ini , adalah diharap garis panduan ini dapat memberi penjelasan mengenai perkara-perkara penting yang berkait dengan agama dan umat Islam yang menjadi tegahan atau larangan kepada orang bukan Islam untuk melibatkan diri atau melakukannya.

